



30 Disember 2021
30 December 2021
P.U. (A) 498

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2021

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(CITY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2021**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 630/2021 yang disiarkan pada 7 Disember 2021, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Datuk Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2021.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Kenderaan</i>
Sebahagian Persiaran KLCC sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari arah Lorong Kuda menghala ke Jalan Ampang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Semua kenderaan kecuali mana-mana kenderaan yang dibenarkan oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar